



1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan untuk memastikan kesinambungan semua aktiviti yang terlibat dalam Sistem Pengurusan Kualiti dapat mengikut perancangan dengan berkesan serta dapat dilaksanakan secara berterusan melalui penilaian pengurusan risiko.

2. SKOP

Prosedur ini digunakan oleh Wakil Pengurusan, PPN dan PPD untuk menguruskan risiko dan peluang-peluang ke atas penghasilan produk atau perkhidmatan bermula dengan mengenalpasti risiko dan peluang, analisis dan keberkesanan tindakan kawalan risiko terhadap pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti.

3. RUJUKAN

3.1 Manual Kualiti

3.2 Standard Keperluan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015.

4. DEFINISI

4.1 Isu Dalaman dan Isu Luaran

Isu – isu yang relevan dengan tujuan dan halatuju strategik yang memberi kesan kepada keupayaan untuk mencapai keputusan yang diinginkan.

4.2 Pihak Berkepentingan

Mana-mana individu / organisasi yang boleh memberi / menerima kesan positif atau negatif terhadap tindakan organisasi.

4.4 Risiko

Sesuatu isu/kejadian yang berlaku serta boleh memberi kesan terhadap pencapaian objektif atau matlamat organisasi.

4.5 Pengurusan Risiko

Langkah kerja yang meliputi mengenalpasti proses kerja, menilai risiko, menentukan dan menetapkan kawalan dan menyemak hasil serta keputusannya.

5. SINGKATAN

KPP	-	Ketua Pengarah Pertanian
WP	-	Wakil Pengurusan
PB	-	Pengarah Bahagian
PPN	-	Pengarah Pertanian Negeri
PPD	-	Pegawai Pertanian Daerah
MKSP	-	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan

6. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

Tanggungjawab	Tindakan
KPP	6.1 Bincang dengan WP bagi merancang a) Membangunkan Jawatankuasa Penilaian Risiko. i. Jawatankuasa bertanggungjawab untuk membangun, melaksana dan memantau pelan risiko. b) Menetapkan tanggungjawab dan bidang kuasa kepada Jawatankuasa Penilaian Risiko.



Tanggungjawab	Tindakan
WP	<ul style="list-style-type: none">c) Mengarahkan pelaksanaan pengurusan risiko.d) Menentukan tindakan kawalan ke atas risiko.e) Mesyuarat Pengurusan Risiko <p>6.2 Menyelaras pelaksanaan pengurusan risiko termasuk :</p> <ul style="list-style-type: none">a) Mengenalpasti risiko, ancaman dan impak setiap Bahagian/Negeri/Daerah yang terlibat dengan organisasi.<ul style="list-style-type: none">1. Senaraikan risiko dan peluang yang berpotensi berlaku ke atas proses-proses yang terdapat dalam Sistem Pengurusan Kualiti berdasarkan :<ul style="list-style-type: none">1.1 Isu-isu dalaman dan luaran;1.2 Keperluan dan harapan pihak pelanggan; dan1.3 Halangan yang memberi kesan kepada kegagalan untuk mencapai objektif.b) Membangunkan Pelan Pengurusan Risiko bagi Organisasi.<ul style="list-style-type: none">1. Indeks Pengurusan Risiko dilaksanakan berdasarkan kepada dua faktor iaitu kebarangkalian (kekerapan kejadian) dan impak risiko. Ketetapan indeks untuk membuat penilaian yang terdiri daripada indeks kemungkinan dan akibat risiko adalah seperti jadual

Tanggungjawab

Tindakan

Indeks Kemungkinan Risiko

Skala Penarafan		Keterangan
5	Hampir pasti	Sesuatu kejadian yang kemungkinan berlaku sekali dalam sebulan 3 bulan
4	Kemungkinan besar	Sesuatu kejadian yang kemungkinan berlaku sekali dalam 4 bulan – 12 bulan
3	Mungkin	Sesuatu kejadian yang kemungkinan berlaku sekali dalam 1 - 2 tahun
2	Kemungkinan kecil	Sesuatu kejadian yang rendah kemungkinan berlaku sekali dalam 2 – 3 tahun
1	Jarang	Sesuatu kejadian yang jarang berlaku sekali dalam lebih 3 tahun

2. Indeks Akibat Risiko dinilai dari skala 1 – 5 untuk menilai keterukan sekiranya risiko tersebut berlaku

Indeks Akibat Risiko

AKIBAT	
1	Tidak menjadi isu
2	Hanya isu kecil
3	Menjadi isu PPD
4	Menjadi isu JPN
5	Menjadi isu negara

Tanggungjawab

Tindakan

Matrik Kemungkinan dan Akibat

		Akibat				
		1 (Tak Penting)	2 (Kecil)	3 (Sederhana)	4 (Besar)	5 (Bencana)
Kemungkinan	1 (Jarang)	1 (R)	2 (R)	3 (R)	4 (R)	5 (S)
	2 (Kemungkinan Kecil)	2 (R)	4 (R)	6 (S)	8 (S)	10 (S)
	3 (Mungkin)	3 (R)	6 (S)	9 (S)	12 (S)	15 (T)
	4 (Kemungkinan Besar)	4 (R)	8 (S)	12 (S)	16 (T)	20 (T)
	5 (Hampir Pasti)	5 (S)	10 (S)	15 (T)	20 (T)	25 (T)

Had Penerimaan Risiko

Tahap Risiko	Keperluan Rawatan / Tindakan
Rendah (R)	Diterima / <i>Optional</i>
Sederhana (S)	Risiko tidak diterima . Perlu tindakan.
Tinggi (T)	Risiko tidak diterima . Perlu tindakan segera.

- c) Kenalpasti kawalan sedia ada
- d) Mengarahkan pelaksanaan Pelan Pengurusan Risiko di peringkat Bahagian/Negeri/Daerah.
- e) Memantau Pelaksanaan Pengurusan Risiko setiap



Tanggungjawab	Tindakan
PB / PPN / PPD	<p>enam bulan bersama-sama dengan Jawatankuasa Penilaian Risiko. (Mesy JK)</p> <ul style="list-style-type: none">f) Melaksanakan tindakan penambahbaikan ke atas Pelan Pengurusan Risiko.g) Menyemak Pelan Pengurusan Risiko bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanan mengikut jangka masa yang ditetapkan.h) Melaporkan keberkesanan tindakan kawalan kepada pihak Pengurusan tertinggi dalam MKSP <p>Melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko di peringkat Bahagian/Negeri/Daerah termasuk :</p> <ul style="list-style-type: none">a) Memastikan semua langkah kawalan sedia ada dan langkah tambahan dilaksanakan.b) Mewujudkan rekod-rekod pelaksanaan tindakan kawalan.c) Membuat analisis data tindakan kawalan ke atas risiko.d) Melaksanakan tindakan pembedahan yang diarahkan.

7. REKOD KUALITI

Bil.	Rekod Kualiti	Lokasi	Tempoh Penyimpanan
1.	Senarai Isu Luaran S12-PR1-Pin0	Ibupejabat	5 tahun
2.	Senarai Isu Dalaman S12-PR2-Pin0	Ibupejabat	5 tahun
3.	Senarai Pihak Berkepentingan S12-PR3-Pin0	Ibupejabat	5 tahun
4.	Senarai Pentaksiran Risiko S12-PR4-Pin0	Ibupejabat	5 tahun

8. CARTA ALIRAN KERJA

